



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

## **TEKS UCAPAN**

**YAB TIMBALAN PERDANA MENTERI**

**MAJLIS PELANCARAN KEMPEN MENCEGAH  
PEMBUANGAN BAYI  
#SAVEALIFE**

**DI**

**PUSAT BELI BELAH SUNWAY PYRAMID  
3 OGOS 2019**

SALUTASI

(AKAN DISEDIAKAN KEMUDIAN)

ASSALAMUALAIKUM WBT DAN SALAM SEJAHTERA

## **PENDAHULUAN**

1. Bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana kita semua dapat berkumpul pada hari ini bagi menjayakan Program usahasama antara Pertubuhan Kebajikan Amal Silaturrahim Isteri-Isteri Harapan Malaysia (KASIH) dan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.
2. Pada hari ini pelancaran kempen #SaveALife akan terlaksana, dan sebentar lagi kita akan sama-sama menyaksikan video yang dihasilkan oleh pihak Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS).
3. Video ini kelak akan ditayangkan di kaca televisyen bagi meneruskan kempen ini.

## **ISU PEMBUANGAN BAYI DAN SENARIO SEMASA**

*Hadirin yang dimulihkan,*

4. Hampir setiap hari kita mendengar berita kes pembuangan bayi, dan bayi-bayi ini pula dijumpai di tempat-tempat yang tidak sepatutnya seperti di tepi-tepi longkang, di tempat pembuangan sampah, di tandas awam, juga di loji-loji kumbahan.

Lebih menyedihkan dan menyayat hati apabila mereka dijumpai dalam keadaan penuh luka, dihurungi semut, dengan kesan gigitan binatang, ada yang dipercayai telah digonggong anjing, malah ada juga bayi-bayi yang dijumpai dalam keadaan sudah tidak bernyawa lagi.

5. Hal ini menjadi semakin serius dan sangat membimbangkan.

**la harus ditangani dengan pendekatan yang lebih agresif.**

6. Polis DiRaja Malaysia (PDRM) merekodkan 1010 kes pembuangan bayi bagi tahun 2010 sehingga Mei 2019.

**Daripada jumlah ini, kira-kira 64% kes adalah melibatkan kematian bayi-bayi yang dijumpai tersebut.**

**Kita tidak mahu trend ini terus meningkat dari tahun ke tahun, maka ia harus segera dicegah.**

## INISIATIF KERAJAAN MENANGANI ISU PEMBUANGAN BAYI

*Hadirin yang dimuliakan*

7. Kerajaan mengambil langkah proaktif dengan merangka strategi advokasi, pencegahan serta menjalankan program-program kesedaran awam khusus kepada golongan remaja mengenai kesihatan reproduktif mereka.
8. Salah satu agensi kami iaitu Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) telah melaksanakan program Pendidikan Kesihatan Reproduksi (PEKERTI), yang dibangunkan khusus untuk golongan remaja.

Program ini mempunyai Modul Cakna Diri Lelaki yang sangat komprehensif dan meliputi Kesihatan Reproduksi Lelaki dan Wanita, amalan seks sihat dan selamat, dan juga termasuk panduan memahami wanita secara biologikal dan emosi.

9. Perlaksanaan modul ini merupakan inisiatif penting kerajaan dalam usaha untuk menangani masalah tingkah laku seksual tidak sihat dalam kalangan remaja.  
Kita mahu elakkan risiko kehamilan dan kematian ibu serta bayi dalam kandungan.

*Hadirin yang dimuliakan,*

10. Kita telah pun melaksanakan modul ini di beberapa buah sekolah, institusi, LPPKN dan di peringkat komuniti.

Ianya akan diperluaskan lagi untuk dilaksanakan di lebih banyak sekolah-sekolah dan institusi-institusi lain yang bersesuaian.

Saya menyeru kerjasama dan bantuan daripada anda semua, sebagai contoh NGO seperti KASIH ini, untuk menyampaikan maklumat berkaitan inisiatif ini supaya ianya sampai kepada masyarakat umum.

11. Program-program yang dirangka akan melibatkan bukan sahaja remaja perempuan tetapi juga remaja lelaki.

Kita mestilah mendidik anak-anak lelaki supaya menjadi lebih *Gender Sensitive*, mengasihi dan menghormati wanita sebagaimana mereka mengasihi ibu dan saudara-saudara perempuan mereka.

Saya yakin ahli-ahli KASIH bersetuju dengan saya kerana kebanyakan yang berada di sini merupakan seorang wanita dan mungkin juga seorang ibu.

## **TALIAN KASIH 15999 DAN PERKHIDMATAN PERLINDUNGAN YANG DISEDIAKAN**

*Hadirin yang dimuliakan,*

12. Antara punca-punca berlakunya kes pembuangan bayi adalah:

- i) Kehamilan luar nikah yang tidak diduga dan seterusnya ibu (remaja perempuan atau wanita dewasa ) takut dan tidak tahu tindakan yang perlu diambil; dan
- ii) Tiada maklumat mengenai tempat atau siapa yang boleh mereka hubungi untuk mendapatkan sokongan.

13. Oleh itu, saya ingin nasihatkan kepada remaja perempuan dan wanita diluar sana, sekiranya anda berhadapan dengan masalah dan tidak tahu apa langkah yang patut dilakukan,

**HUBUNGI TALIAN KASIH 15999.**

**DAPATKANLAH BANTUAN SEGERA DAN JANGAN AMBIL TINDAKAN MELULU YANG AKAN MEMBAHAYAKAN NYAWA ANDA, DAN LEBIH-LEBIH LAGI, BAYI ANDA.**

14. Saya turut menyeru pasangan remaja lelaki atau lelaki dewasa yang terlibat untuk mengambil tanggungjawab menghubungi Talian Kasih bagi mendapatkan bantuan.

15. Selain itu ahli keluarga, saudara dan masyarakat sekeliling juga seharusnya menggunakan Talian Kasih ini sekiranya mempunyai sebarang maklumat berkaitan.

16. Pada hari ini kita turut bawakan sebuah bas yang telah dicat dengan maklumat berkenaan Talian Kasih 15999 untuk tujuan promosi kepada orang ramai.

*Hadirin yang dimuliakan,*

17. Kita perlu memfokuskan kepada keselamatan, kesihatan dan kebajikan kedua-dua bayi dan ibunya.

18. KPWKM mempunyai kaunselor yang bertauliah dalam mengendalikan kes-kes seperti ini yang sentiasa bersedia untuk membantu, memberi perlindungan kepada anda dan bayi anda.

19. Selain itu, kita turut menyediakan perkhidmatan perlindungan kepada remaja perempuan dan wanita dewasa yang memerlukan perlindungan sewaktu hamil.

## **TANGGUNGJAWAB HOLISTIK MENANGANI ISU PEMBUANGAN BAYI**

*Hadirin yang dimuliakan,*

20. Adalah menjadi tanggungjawab semua pihak termasuk ibu bapa, sekolah, komuniti, institusi keagamaan, media, pihak berkuasa Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan serta banyak lagi untuk sama-sama menangani isu ini.

Semua tenaga harus digembleng untuk sama-sama merealisasikan hasrat memastikan keselamatan dan perlindungan terhadap bayi dan ibunya.

21. Saya sangat berterima kasih kepada pihak KASIH kerana sudi menyahut saranan KPWKMI untuk bersama-sama menangani isu pembuangan bayi ini.

**Usaha yang kita laksanakan pada hari ini merupakan antara contoh terbaik kerjasama antara pihak Kerajaan, NGO dan swasta.**

**Kerajaan memerlukan sokongan dan kerjasama semua pihak, dan kita tidak bekerja secara bersendirian.**

Saya berharap usaha ini akan menjadi pemangkin kepada lebih banyak lagi kerjasama untuk membantu Kerajaan amnya dalam menangani isu yang meruncing ini.

## **PENUTUP**

*Hadirin yang dimuliakan,*

22. Saya yakin kempen **#SaveALife** ini akan mencapai objektif untuk meningkatkan kesedaran dikalangan orang ramai mengenai isu risiko kehamilan luar nikah dan komplikasinya, kesihatan seksual reproduktif dan pembuangan bayi.

Mudah-mudahan lebih banyak nyawa bayi yang tidak berdosa di luar sana, dapat diselamatkan pada masa hadapan.

23. Saya juga mengucapkan jutaan terima kasih kepada pihak FINAS yang telah menghasilkan video kesedaran untuk kempen ini.

24. Setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak TGV Cinema kerana sudi bekerjasama dan membenarkan tayangan video kempen mencegah pembuangan bayi yang dihasilkan oleh pihak KPWKM di skrin pawagam TGV Cinema.

Tidak lupa juga kepada pihak Sunway Mall kerana sudi menyediakan tempat bagi majlis yang bermakna ini.

18. Selain itu saya turut berterima kasih kepada selebriti-selebriti dan artis-artis tanah air yang turut hadir bersama kita pada hari ini.

Saya amat terharu dan berterima kasih atas sokongan ini dan mengharapkan selebriti yang mempunyai ratusan ribu peminat atau pengikut di luar sana dapat memainkan peranan aktif dalam membantu menyampaikan hasrat Kerajaan kepada rakyat.

25. Saya juga ingin berterima kasih kepada semua pihak termasuk NGO-NGO lain, syarikat korporat dan sebagainya yang telah bersama-sama dengan KPWKM dalam pelbagai inisiatif menangani isu ini.

26. Akhir kata, saya sekali lagi menyeru kepada masyarakat diluar sana, jika saudara saudari menghadapi sebarang masalah **HUBUNGILAH TALIAN KASIH 15999, KAMI SEDIA MEMBANTU ANDA.**

**27. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya merasmikan Kempen SAVE A LIFE  
Sekian, terima kasih**